



TNT Express sumbang RM40,000

KUALA LUMPUR 9 Mei - TNT Express Malaysia dengan kerjasama Yayasan MyKasih telah menyumbang RM40,000 kepada badan amal itu untuk disalurkan kepada 40 buah keluarga kurang bernasib baik.

TNT Express Malaysia dalam kenyataan akhbarnya memberitahu, bantuan tersebut diberikan kepada keluarga berkenaan di bawah program TNT-MyKasih 'Love My Neighbourhood'.

Selain itu, menurut kenyataan tersebut, pihaknya juga telah melancarkan satu siri program celik kewangan, serta pemeriksaan kesihatan untuk keluarga berkenaan.

Tambah kenyataan itu, program tersebut telah bermula pada Mei ini pada setiap hari Sabtu.